

**B**udgerigar (*Melopsittacus undulatus*) ialah satu daripada haiwan peliharaan yang sangat popular di Malaysia, terutamanya dalam kalangan penggemar burung. Selain mempunyai ciri yang unik, saiz badannya yang kecil, comel dan mudah diuruskan menjadi antara penyebab burung ini dipelihara sebagai haiwan kesayangan.

Budgerigar ialah burung dalam kumpulan kakaktua atau *psittacine*. Burung ini memiliki paruh atas atau rostrum melengkung yang dikenali sebagai ser (cere) pada pangkal paruh yang menonjol.

Jantina budgerigar dapat dibezakan melalui ser. Budgerigar jantan dewasa yang matang secara seksual mempunyai ser yang berwarna biru, manakala ser bagi betina dewasa berwarna perang.

Budgerigar diletakkan di bawah order Psittaciformes bersama-sama burung makaw (famili Psittacidae), burung kakaktua (famili Cacatuidae) dan burung lory (subfamili Loriinae). Budgerigar mudah dibezakan daripada burung lain kerana saiz badannya yang kecil selain mempunyai sayap dan ekor yang runcing.

Bulu budgerigar mempunyai pelbagai warna yang menarik. Antara warna bulu yang biasa ditemukan termasuklah hijau zaitun, biru muda, biru gelap, kuning dan putih. Budgerigar juga memiliki corak bulu yang unik, iaitu mempunyai tompok hitam di bahagian leher dan pipi.

Berat budgerigar dewasa adalah sekitar 22 gram hingga 35 gram dengan ketinggian sekitar 18 sentimeter. Lebar sayap budgerigar pula adalah antara 25 sentimeter hingga 35 sentimeter.

Diet budgerigar terdiri daripada bijian kecil dan benih rumput. Gambu, yakni campuran pelbagai biji benih dan seкои merupakan pilihan diet terbaik untuk budgerigar peliharaan kerana rendah lemak, tinggi karbohidrat serta kaya dengan magnesium, protein dan kalsium yang membantu dalam penghadaman serta meredakan stres. Tulang sotong misalnya, amat penting sebagai sumber kalsium buat budgerigar.

Budgerigar juga memakan pelbagai sayuran berkhasiat seperti kubis kerinting (kale), brokoli dan bayam Brazil. Selain itu, buah-buahan yang dimakan oleh budgerigar adalah seperti epal dan pear. Namun begitu, biji buah tersebut



# Budgerigar

## SI BURUNG CINTA

**Bulu budgerigar yang mempunyai pelbagai warna dan corak unik menjadi daya penarik kepada penggemar burung.**



haruslah dibuang terlebih dahulu kerana mempunyai sianida yang berpotensi membawa maut kepada budgerigar.

Antara jenis makanan yang harus dielakkan daripada diberikan kepada budgerigar termasuklah produk tenusu. Hal ini disebabkan oleh sistem pencernaan burung secara amnya tidak bertoleransi terhadap laktosa.

Coklat dan produk yang mengandungi kafein seperti kopi, teh atau minuman bergas tidak boleh diberikan kepada budgerigar. Makanan lain seperti kekacang, avokado, madu, makanan masin, makanan laut seperti ikan dan buah sitrus seperti limau juga harus dielakkan.

Budgerigar betina dewasa bertelur sebanyak empat biji hingga enam biji pada satu-satu masa. Telur burung ini berwarna putih yang mempunyai ukuran panjang sekitar satu sentimeter hingga dua sentimeter.

Budgerigar betina akan mengeram telurnya selama 18 hari. Sepanjang tempoh tersebut, burung jantan akan mencari dan memberikan

makanan kepada si betina. Anak burung yang menetas tidak mempunyai bulu dan matanya tertutup. Pada usia 30 hari, anak burung budgerigar bersedia untuk terbang buat pertama kali.

Habitat asal budgerigar adalah di kawasan pedalaman negara Australia, tidak termasuk pesisiran pantai dan Pulau Tasmania. Burung ini mendiami kawasan hutan terbuka, padang rumput, tanah belukar dan savana.

Burung ini biasanya bergerak secara nomad dalam kawanan dan mendiami kawasan yang berdekatan dengan air. Budgerigar telah dibawa keluar dari Australia buat pertama kalinya oleh Charles Coxen pada tahun 1840 ke England. Menjelang akhir abad tersebut, budgerigar telah dibiakkan dalam jumlah yang besar sebagai burung sangkar. Kini, budgerigar menjadi antara burung domestik yang paling popular untuk dipelihara sebagai haiwan peliharaan di seluruh dunia.

Budgerigar sangat sinonim dengan gelaran "burung cinta" atau *love bird* kerana ikatan



Kehadiran ahli budgerigar baharu di dalam sangkar yang sama mencetuskan tingkah laku agresif yang tinggi kerana sifat cemburu antara pasangan.



Kehadiran tetamu baharu daripada spesies yang sama di dalam sangkar atau kurungan yang sama boleh menyebabkan tingkah laku agresif seperti mematak, membuat ancaman patuk dan bergaduh dengan menggunakan paruh.

sosialnya yang kuat terhadap pasangan. Dalam kehidupan sosial berpasangan, burung ini mengamalkan hubungan monogami, yakni hanya akan setia kepada satu individu sepanjang hayatnya.

Apabila mencapai kematangan seksual, budgerigar jantan akan mula menunjukkan beberapa tingkah laku unik bagi membentuk hubungan berpasangan. Antara tingkah laku tersebut termasuklah meniru panggilan suara budgerigar betina pilihannya.

Kebolehpayaan burung jantan untuk meniru panggilan pasangan memainkan peranan dalam pemilihan dan pembentukan ikatan antara pasangan. Budgerigar betina pula akan memilih budgerigar jantan yang dapat meniru panggilannya yang paling tepat sebagai pasangan.

Bulu budgerigar bersifat memantulkan cahaya berpendarfluor ultraungu. Warna bulu berpendarfluor ultraungu ini antara faktor penting dalam pemilihan pasangan. Budgerigar jantan dan betina lebih cenderung memilih pasangan yang memantulkan sinaran ultraungu yang ketara dan jelas.

Semasa proses memikat pasangan, budgerigar jantan akan melakukan beberapa pertunjukan seperti berjalan terkedek-kedek secara berulang-ulang dan menggelengkan atau menundukkan kepala. Setelah hubungan berjaya dibentuk, budgerigar jantan dan betina akan melakukan beberapa aktiviti seperti berdandan, saling memberikan makanan, menyentuh paruh apabila bertemu, melakukan panggilan *warble* dan bersanggama.

Budgerigar jarang-jarang menunjukkan kelakuan agresif terhadap pasangannya. Aktiviti harian lazimnya akan dilakukan bersama-sama pasangan bagi mengekalkan hubungan. Perpisahan boleh menyebabkan burung ini mengalami kemurungan dan tertekan. Walaupun dipisahkan untuk beberapa bulan, hubungan antara burung ini masih tetap teguh.

Kehadiran tetamu baharu daripada spesies yang sama di dalam sangkar atau kurungan yang sama boleh menyebabkan tingkah laku agresif seperti mematak, membuat ancaman patuk dan bergaduh dengan menggunakan paruh. Tingkah laku agresif ditunjukkan semasa merebut sumber makanan dan pasangan serta menjaga sarang dan zuriat daripada sebarang ancaman. Tahap dan kadar kelakuan agresif budgerigar terhadap budgerigar yang tidak dikenali adalah lebih tinggi daripada budgerigar yang dikenali.

Budgerigar betina akan lebih menunjukkan tingkah laku yang agresif berbanding dengan burung jantan. Hal ini terçetus apabila kehadiran budgerigar betina sebagai tetamu baharu di dalam sangkar atau kurungan yang sama dianggap boleh menggugat ikatan perhubungan yang telah terjalin antara pasangan sedia ada.



Tingkah laku mendandan penting dalam mengekalkan dan menguatkan ikatan antara burung.

Budgerigar sangat gemar mendandan pasangannya. Tingkah laku ini melibatkan aktiviti seperti merapikan dan membersihkan bulu pasangan daripada kotoran atau hama.

Mendandan pasangan merupakan kelakuan sosial yang penting untuk mengekalkan dan menguatkan ikatan antara pasangan burung. Walaupun kelakuan mendandan biasanya lebih kerap ditemukan antara budgerigar berlainan jantina, namun mendandan individu yang sama jantina juga boleh berlaku.

Budgerigar mengeratkan hubungan ikatan persahabatan dalam kalangannya melalui kelakuan bermain. Corak kelakuan bermain budgerigar adalah seperti kejar-mengejar, mengacah-acah, menggoyangkan kepala ke atas dan ke bawah, mengeluarkan bunyi "chirp", terbang beramai-ramai dan bermain seakan-akan bergaduh.

Budgerigar juga bijak bermain dengan menggunakan objek. Di dalam sangkar, bermain dengan menggolekkan bola kecil atau guli bukan sahaja boleh berlaku secara individu, malah secara bergilir-gilir dalam kumpulan.

Walau bagaimanapun, budgerigar cenderung untuk memilih bermain bersama-sama pasangannya. Permainan sebegini dapat memberikan keceriaan, meningkatkan tahap psikomotor budgerigar,

membina ikatan yang erat serta harmoni antara pasangan dengan ahli kumpulan.

Sekiranya budgerigar tidak mempunyai peluang untuk bermain, burung ini boleh menjadi bosan, murung dan mula menunjukkan tingkah laku abnormal seperti mencabut bulu sendiri. Tekanan emosi sebegini menyebabkan budgerigar mudah ditimpa penyakit dan berpotensi membawa maut.

Keupayaan kognitif budgerigar adalah luar biasa. Haiwan ini mampu untuk meniru gaya dan percakapan manusia jika dilatih. Walaupun perlakuan ini memerlukan latihan secara konsisten, namun ulangan perkataan atau frasa pendek tertentu yang acap kali didengarnya membolehkan burung ini belajar untuk meniru perkataan tersebut.

Pemelihara boleh melatih budgerigar peliharaan untuk "bercakap" dengan menyebut sesuatu perkataan sambil melakukan perbuatan bagi merujuk peristiwa tertentu. Melalui kaedah ini, budgerigar dapat mengaitkan perkataan yang disebut dengan perbuatan atau peristiwa itu.

Sebagai contohnya, menyebut perkataan "hai" atau "helo" apabila bertemu dan *bye-bye* apabila meninggalkannya. Ucapan dalam bentuk frasa pendek sebegini dapat membina hubungan yang rapat antara pemelihara dengan budgerigar kesayangan mereka.



Penyediaan tempat bertenggek, kotak rumah dan alat mainan merupakan beberapa pengayaan yang penting untuk budgerigar di dalam kurungan bagi mengelakkan haiwan ini mengalami kemurungan.

Walaupun budgerigar sering dilihat sebagai burung yang ceria dan mesra, burung ini sangat peka dengan gangguan dan persekitaran. Budgerigar juga sensitif terhadap bunyi, bau dan gangguan fizikal.

Bunyi bising yang kuat serta berterusan seperti bunyi penggera dan bunyian ultrasonik yang berfrekuensi tinggi boleh menyebabkan budgerigar menjadi stres. Kesan daripada gangguan sebegini boleh memberikan impak yang negatif terhadap tumbesaran, pembiakan dan kesihatan budgerigar.

Asap rokok, minyak wangi, kemenyan dan asap lilin boleh merengsakan paru-paru budgerigar. Pemelihara budgerigar disarankan supaya memelihara burung peliharaan mereka di tempat yang mempunyai pengudaraan yang baik, di samping mengelak daripada menggunakan lilin atau bahan bakar dan menyembur pewangi berdekatan dengan sangkar budgerigar.

Kehadiran haiwan pemangsa seperti tikus, kucing atau anjing di kawasan sekitar boleh menyebabkan budgerigar berasa takut dan terancam. Gegaran atau goncangan kuat pada sangkar memberikan kesan stres dan trauma yang boleh membawa maut. Oleh itu, pemelihara budgerigar seharusnya menempatkan burung ini di dalam sangkar yang sesuai agar jauh daripada haiwan yang boleh menakutkan dan membuatkan budgerigar berasa terancam.

Ruang sangkar atau kurungan mestilah sesuai serta cukup luas bagi membolehkan haiwan ini terbang dan meregangkan sayap dengan sepenuhnya. Pengayaan seperti menempatkan tempat hinggap di dalam sangkar adalah penting sebagai tempat haiwan ini untuk bertenggek dan berehat. Dahan dan ranting juga boleh

diletakkan di dalam sangkar yang dapat membantu mengurangkan ketegangan emosi budgerigar.

Rangsangan sosial dan kognitif budgerigar yang dipelihara juga boleh dicapai melalui pengayaan di dalam sangkar. Penyediaan barangan mainan yang sesuai dapat mengurangkan kebosanan dan mengeratkan lagi hubungan antara pasangan serta persahabatan dalam kalangan ahli budgerigar.

Pengasingan budgerigar secara individu atau bersendirian dalam tempoh yang lama adalah kurang sesuai. Tindakan tersebut akan menyebabkan haiwan itu mengalami kemurungan.

Budgerigar juga seharusnya diberikan peluang untuk berinteraksi, sama ada dalam kalangan konspesies mahupun bukan konspesiesnya. Cara ini dapat merangsang hubungan sosial dan mengelakkan haiwan ini daripada berkelakuan tidak normal akibat stres.

Oleh sebab budgerigar ialah haiwan yang bukan berasal dari Malaysia, budgerigar tidak sepatutnya dilepaskan secara bebas sekiranya pemeliharanya tidak ingin lagi membelanya. Hal ini bersangkutan paut dengan kehadiran budgerigar secara lepas bebas boleh membawa kepada natijah persaingan terhadap sumber makanan serta ruang habitat antara budgerigar dengan burung tempatan. Persaingan ini juga boleh mengancam kemandirian spesies burung tempatan.

Sebagai kesimpulannya, burung cinta ini merupakan antara haiwan kesayangan bagi penggemar burung. Sifat fizikalnya yang comel, menghiburkan serta setia terhadap pasangan menyerlahkan ikatan yang kuat antara burung ini dalam hubungan sosial.

Pemahaman terhadap tingkah laku budgerigar juga amat penting dalam pengurusan budgerigar di dalam kurungan. Budgerigar perlu dipelihara dengan penuh kasih sayang dan perhatian demi membolehkan haiwan ini untuk terus hidup dengan sihat, ceria dan lestari. <sup>10</sup>

**Dr. Norlinda Mohd. Daut dan  
Anis Suhaila Mohamed Taufek,  
Jabatan Sains Biologi dan Bioteknologi,  
Fakulti Sains dan Teknologi,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.**